



جابتن كواغن دان قربنداها راعن نغري

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara
Kompleks Seri Negeri
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 MELAKA

Tel. (ONCC) : 06-333 3333
Faks : 06-231 6489
Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

Rujukan kami : PNM(KPS) 125. jld2 (15)

Tarikh : 12 Januari 2017

Semua Ketua Jabatan / Pusat Tanggungjawab
Negeri Melaka
(Seperti Senarai Edaran)

YB Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI BIL.01 TAHUN 2017
BAYARAN GANJARAN BAGI KAKITANGAN KONTRAK**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa pembayaran Ganjaran kepada Kakitangan Kontrak hendaklah dibayar menggunakan kod objek 47000 sepertimana **Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PS1.1 Penjenisan kod bagi Hasil dan Perbelanjaan) muka surat 12/19.**
3. Sebagaimana yang telah dimaklumkan sebelum ini, semua PTJ hendaklah membuat bayaran Ganjaran di bawah kod objek 47000. Sila pastikan kod objek tersebut diwujudkan di Jabatan masing-masing.
4. Bersama-sama ini disertakan **PS1.1 Lampiran A** untuk rujukan YB Datuk/Tuan/Puan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara tersebut sila hubungi pegawai di **Unit Perkhidmatan dan Operasi Gaji** di talian **06-2307 285/298/802.**

Sekian, terima kasih.

"MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG FASA II"
"BERKAT, TEPAT, CEPAT"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(ROSLIAH SIGOH)
Ketua Penolong Bendahari Negeri,
MELAKA



41000 Basiswa, Dermasiswa Dan Bantuan Pelajaran

- Objek Sebagai ini merekodkan bayaran-bayaran kepada individu-individu sahaja dalam bentuk biasiswa, dermasiswa dan bantuan pelajaran yang lain.
- Objek Sebagai ini hanya boleh digunakan untuk merekod bayaran-bayaran daripada peruntukan di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam.
- Sila rujuk ke Lampiran A1.

42000 Pemberian Dalam Negeri

- Objek Sebagai ini merekodkan bayaran-bayaran dalam bentuk pemberian, bantuan, caruman dan subsidi yang ditujukan untuk mana-mana pihak dalam negeri.

43000 Pemberian Luar Negeri

- Objek Sebagai ini merekodkan bayaran-bayaran dalam bentuk pemberian, bantuan, caruman dan sebagainya yang ditujukan untuk pihak-pihak luar negeri seperti negara asing dan pertubuhan antarabangsa.

44000 Tuntutan Insurans Dan Pampasan

- Objek Sebagai ini merekodkan bayaran-bayaran tuntutan dan pampasan sebagai ganti rugi atas kerosakan, kemusnahan atau kehilangan harta benda, atau kecederaan atau kematian orang yang diakibatkan oleh tindakan-tindakan kakitangan perkhidmatan awam.

45000 Faedah, Dividen Dan Kenaan Bayaran Hutang Negara Yang Lain hutang

- Objek Sebagai ini merekodkan semua bayaran-bayaran berkenaan dengan negara termasuk yang berikut:-
 - 45100 – Faedah Atas Wang Pinjaman
 - 45200 – Kos Pengeluaran Pinjaman
 - 45300 – Kos Perkhidmatan Pinjaman
 - 45400 – Bayaran Balik Pinjaman
 - 45900 – Bayaran-bayaran Lain

46000 Pencen

- Objek Sebagai ini merekodkan bayaran-bayaran pencen kepada Kakitangan Awam, Pasukan Keselamatan dan Anggota Pentadbiran dan Parlimen atau waris mereka sama ada di dalam atau di luar negeri.

47000 Ganjaran

- Objek Sebagai ini merekodkan bayaran-bayaran ganjaran kepada Kakitangan Awam, Pasukan Keselamatan, Anggota Pentadbiran dan Parlimen, Pekerja Kontrak dan Orang-orang lain atau waris mereka sama ada di dalam atau di luar negeri.